

Peminjam mesti bayar hutang Mara – Abdullah

um-3/9/2006

NILAI 7 Sept. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Majlis Amanah Rakyat (Mara) menggunakan apa juga cara yang sebaik-baiknya untuk memastikan peminjam melunaskan hutang pinjaman mereka.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, tidak timbul lagi soal malu dengan kadar ansuran bayaran balik pinjaman yang ditetapkan oleh Mara kerana yang lebih penting ialah peminjam menjelaskan hutang tersebut.

“Tak usahlah cakap pasal malu tak malu ni. Masalahnya ada hutang. Yang keduanya masalah bayaran. Jadi terserahlah pada Mara apakah cara yang sebaik-baiknya supaya nanti hutang itu dapat dibayar. Kalau tak dibayar, itu benar-benar malulah,” kata Perdana Menteri.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya pemberita tentang kesediaan Mara menerima bayaran balik hutang serendah RM20 yang dianggap sesetengah pihak memalukan dan menggambarkan seolah-olah golongan profesional Melayu begitu miskin.

Perdana Menteri ditemui selepas melancarkan pelancaran serentak pembukaan kemudahan cGMP (Amalan Pengilangan Baik Terkini), Tabung Sains Hayat Malaysia dan Pusat Inovasi Bio di Kompleks Biofarmaseutikal Inno Biologics Sdn. Bhd., Putra Nilai, di sini hari ini.

Menurutnya, peminjam yang kurang berkemampuan dan mempunyai masalah pekerjaan, boleh membayar pinjaman sedikit demi sedikit.

“Jadi Mara tak mahulah nanti ada orang yang tak bayar. Boleh jadi pada peringkat awal, orang kurang mampu kerana masalah pekerjaan yang ada pada dia, boleh bayar sedikit-sedikit. Kemudian nanti, bila dah mampu bolehlah bayar lebih. Dalam hal ini, hutang mesti dibayar,” tegas beliau.

Sementara itu, di Bangi, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu Mara mengambil tindakan lebih tegas untuk mengutip hutang daripada peminjam pelajarannya tanpa memalukan orang Melayu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, agensi itu perlu memikirkan langkah-langkah yang lebih drastik dan munasabah.

“Saya berharap Mara dapat mengemukakan cadangan baru bagi mendapatkan tunggakan hutang Mara berjumlah RM556 juta yang membabitkan 121,486 peminjam itu,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis Pelancaran Pasukan Askar Wataniah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).



ABDULLAH Ahmad Badawi beramah mesra dengan kakitangan Pusat Inovasi Bio ketika merasmikan majlis Pembukaan Serentak cGMP (Amalan Perkilangan Yang Baik), Tabung Sains Hayat Malaysia dan Pusat Inovasi Bio di Kompleks Bio Farmaseutikal Inno Biologics Sdn. Bhd., Putra Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Tidak timbul lagi soal malu dengan kadar ansuran bayaran balik pinjaman yang ditetapkan oleh Mara kerana yang lebih penting ialah peminjam menjelaskan hutang tersebut

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Najib turut menekankan supaya Mara menunjukkan kesungguhan dalam menyelesaikan masalah hutang tertunggak itu secepat mungkin.

“Sekiranya tidak diatasi segera, akan memberi kesan kepada pembiayaan bisnes kepada yang memerlukan,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan turut menafikan selama ini Mara tidak menunjukkan kesungguhan untuk mengu-

tip hutang.

“Ia (Mara) cuba, tetapi masalahnya, kita melihat pinjaman Mara satu pinjaman yang tidak perlu dibayar balik, inilah sikap di kalangan peminjam sendiri sedangkan kebanyakan daripada mereka mampu membayar balik,” katanya.

Sehingga 30 Julai lalu, tunggakan hutang Mara berjumlah RM556 juta membabitkan 121,486 peminjam.

– **Gambar MD. SHAHJEHAN MAAMIN**

Dalam pada itu, mengulas keputusan Kabinet menangguhkan pelaksanaan pemberian diskaun sehingga 70 peratus bagi kompaun kesalahan lalu lintas yang diumumkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) Selasa lalu, Najib berkata: “Tujuan Kabinet menangguhkan pemberian diskaun trafik itu supaya agensi penguat kuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan PDRM menyelaraskan kadar denda.”

Menurutnya, satu perbincangan perlu dijalankan oleh kedua-dua agensi itu bagi mengkaji semula kadar denda yang dikenakan.

“Ini kerana kerajaan mahu denda yang dikeluarkan oleh JPJ dan PDRM disera-gamkan.

“Sekiranya diskaun saman itu tidak diseragamkan, ia akan menjadi satu perkara yang aneh kerana kedua-dua agensi men-